



KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI

KENYATAAN MEDIA

PEMBUKAAN SEMULA UPUONLINE UNTUK PERMOHONAN KEMASUKAN KE UNIVERSITI AWAM, POLITEKNIK, KOLEJ KOMUNITI DAN INSTITUSI LATIHAN KEMAHIRAN AWAM BAGI LEPASAN SPM SESI AKADEMIK 2021/2022

Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) bersetuju membuka semula permohonan kemasukan pelajar lepasan SPM ke program Sijil, Asasi, Diploma dan Ijazah Sarjana Muda ke Institusi Pendidikan Tinggi Awam (IPTA) dan Institusi Latihan Kemahiran Awam (ILKA) mulai 15 Jun 2021 hingga 21 Jun 2021.

Keputusan ini diambil bagi memberi peluang kepada pelajar yang tidak berkesempatan untuk berbuat demikian dalam tempoh yang telah ditetapkan sebelum ini. Sehubungan dengan itu, pemohon boleh melayari portal rasmi upu.mohe.gov.my sama ada untuk membuat permohonan kemasukan atau membuat pilihan program pengajian untuk melanjutkan pengajian ke IPTA dan ILKA di mana berkaitan, seperti maklumat di bawah :

Pemohon Lepas SPM	Tindakan	Tempoh
Pelajar Yang Belum Pernah Memohon	Mengemukakan Permohonan dan Memilih Program Pengajian	15 Jun 2021 (Jam 12.00 tengah hari) hingga
Pelajar Yang Telah Memohon	Mengemaskini Pilihan Program Pengajian	21 Jun 2021 (Jam 5.00 petang)

Diharapkan keputusan ini dapat memberi ruang yang secukupnya kepada pelajar untuk mengemukakan permohonan bagi memudahkan urusan pemohon untuk melanjutkan pengajian.

KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI
14 Jun 2021